

Menteri akui berdepan cabaran

Oleh Skuad Khas
Harian Metro
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Laporan eksklusif disiarkan muka depan Harian Metro bertajuk **Hanyir Lubuk Dosa** mendapat perhatian di Dewan Rakyat, semalam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa mengakui pihaknya kini menghadapi cabaran apabila lokasi panas terbaharu persundalan yang dikenal pasti oleh KL Strike Force, bertambah kreatif.

Menurutnya, taktik sindiket itu menjadikan premis medan selera seperti di sekitar Jalan Pudu dan Jalan Loke Yew sebagai lokasi mengiklankan perkhidmatan persundalan mereka.

“Malahan, memasuki era pasca-normal, cabaran KL Strike Force membanteras kegiatan persundalan sudah mula berpindah dari premis konvensional ke platform digital.

“Lebih-lebih lagi apabila rumah inap, hotel dan kediaman peribadi turut dijadikan sarang aktiviti ini.

“Dalam hal ini, kerajaan menyeru komuniti setempat menjadi ‘mata-mata’ dan melaporkan aktiviti seumpama ini kepada Adu@KL 2.0 atau mana-mana saluran aduan agensi yang menjadi ahli KL Strike Force semudah dengan menggunakan hashtag #KLSStrikeForce di hantaran media sosial.

“Selain itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga mengetahui operasi bersepadu melalui inisiatif *smart partnership* antara agensi kerajaan ke atas premis perniagaan



warga asing,” katanya.

Beliau menjawab pertanyaan **Zahir Hassan (PH-Wangsa Maju)** berkaitan mengapa aktiviti persundalan, pergaduhan warga asing tanpa permit

dan kebanjiran penjaja warga asing di Kuala Lumpur masih tidak berkurangan walaupun KL Strike Force sudah diaktifkan.

Manakala **Roslan Hashim (PN-Kulim Bandar**

Baharu) turut bertanyakan jumlah premis berkaitan pelacuran sudah dihapuskan sejak Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengeluarkan arahan menangani masalah pelacuran di ibu negara.

Mengulas lanjut, Dr Zaliha menegaskan, adalah tidak tepat untuk menyatakan tiadanya pengurangan kes persundalan di Kuala Lumpur kerana berdasarkan data 2023 menunjukkan, hanya 159 serbuan dan 540 tangkapan sahaja berbanding suku ketiga tahun ini.

Beliau berkata, sejak penubuhan KL Strike Force, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama agensi penguatkuasaan sudah menyerbu 209 premis yang menawarkan perkhidmatan persundalan.

“Statistik serbuan bermula daripada 27 Mei 2024

sehingga 30 September 2024 menunjukkan, 781 orang ditangkap terdiri daripada 149 orang warga tempatan dan 632 warga asing berusia 18 hingga 61 tahun.

“Tindakan pembanteraan giat dijalankan bagi menyekat aktiviti persundalan terutama di kawasan yang dikenal pasti berpotensi dalam menawarkan aktiviti ini.

“Tiada tindakan pilih kasih, sama ada penawaran persundalan golongan elit mahupun golongan bawahan akan diambil tindakan yang sama,” tegasnya.

Sebelum ini, laporan eksklusif disiarkan muka depan Harian Metro bertajuk **Hanyir Lubuk Dosa** pada Jun lalu membongkar semula lubuk pelacuran lama di ibu negara, termasuk yang tertua sekitar kawasan Pudu.